LAW YEW KWAN

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
SULAIMAN DAUD HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-133-2006]
29 DISEMBER 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B - Mengedar 2144.8 gram methamphetamine - Dadah terkandung dalam beg yang dibawa dalam penerbangan dari Paris ke KLIA - Sama ada mempunyai jagaan dan kawalan terhadap beg dan dadah - Sama ada mempunyai pengetahuan mengenai dadah - Sama ada satu perbuatan terang-terangan membawa dadah - Sama ada dirangkumi oleh takrifan 'pengedaran' dalam s. 2 Akta*

Perayu telah ditangkap dan dituduh mengedar dadah 3, 4 methylenedioxymethamphetamine ('dadah tersebut') di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') semasa sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ('KLIA') dalam penerbangan daripada Paris, apabila beg yang dibawanya ('P80') didapati mengandungi 2144.8 gram dadah tersebut. Fakta menunjukkan bahawa perayu ditangkap setelah beliau mengambil P80 dari karusel tempat tuntutan bagasi lapangan terbang tersebut, dan setelah pemeriksaan dibuat terhadap P80. Fakta juga menunjukkan bahawa bahagian dalam P80 mengandungi satu pelapik plastik keras di tengahnya, dan dadah berkenaan (19,080 pil dalam 18 bungkusan) ditemui di bawah pelapik tersebut. Apapun, yang arif hakim bicara, setelah mendapati perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah tersebut di dalam P80, telah menggunapakai anggapan s. 37(d) Akta, dan sekaligus mendapati bahawa elemen milikan dan pengetahuan – dan kerana itu pengedaran – telah dibuktikan terhadap perayu. Dalam pembelaannya, perayu tidak menafikan bahawa P80 adalah begnya, namun menafikan mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah tersebut. Yang arif hakim bicara memutuskan bahawa memandangkan jumlah dadah yang begitu banyak, dan bahawa perayu tidak membangkitkan pembelaan bahawa dadah tersebut

adalah untuk kegunaan sendiri, maka satu-satunya inferens yang boleh dibuat adalah bahawa dadah tersebut adalah untuk tujuan pembekalan kepada pihak ketiga, atau bagi tujuan pengagihan kepada seorang atau lebih. Justeru, beliau memutuskan perbuatan membawa dadah secara terang-terangan perayu tersebut termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s. 2 Akta – dan berikutnya mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Tidak berpuas hati, perayu merayu dan berhujah bahawa hakim bicara khilaf dalam dapatannya, antara lain kerana: (i) elemen 'pengetahuan' yang perlu dibuktikan melalui inferens dari keadaan sekeliling telah tidak dibuktikan; (ii) bertentangan dengan dapatan yang arif hakim, pengedaran secara terus telah gagal dibuktikan; dan (iii) ketiadaan keterangan forensik seperti cap jari pada bungkusan-bungkusan dadah, memberi kesan bahawa pengetahuan tentang kewujudan dadah telah tidak dibuktikan terhadap perayu.

Diputuskan (menolak rayuan dan mengekalkan hukuman)
Oleh Sulaiman Daud HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Dalam konteks pertuduhan pengedaran dadah di bawah s. 39B Akta, elemen 'pengetahuan' boleh dibuktikan, pertama, secara terus melalui inferens daripada keadaan sekeliling, atau kedua, dengan bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta apabila terbukti bahawa seseorang tertuduh itu mempunyai jagaan atau kawalan ke atas benda yang mengandungi dadah tersebut. (perenggan 12)

(2) Dalam kes ini, hakim perbicaraan telah menggunakan pendekatan kedua di atas, iaitu dengan bersandarkan kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi pembuktian pengetahuan perayu terhadap dadah di dalam beg P80. Hakim perbicaraan telah tidak tersalah arah atau tersilap di sisi fakta atau undang-undang apabila tidak membuat apa-apa inferens daripada keadaan sekeliling penahanan perayu. Apapun, memandangkan hakim perbicaraan telah bergantung kepada s. 37(d) Akta bagi pembuktian pengetahuan, persoalannya ialah sama ada pihak pembelaan telah berjaya, atas imbangan kebarangkalian, mematahkan anggapan tersebut. Hakim telah memutuskan perayu gagal berbuat demikian dan kami tidak mendapati apa-apa kecacatan pada dapatan fakta beliau tersebut. (perenggan 13 & 14)

(3) Perayu tidak menafikan beg P80 adalah beg yang sama yang dibawa dari Paris. Dialah yang memasukkan pakaiannya ke dalam beg itu semasa di Hotel Apollo dan selain dari 'budak hotel' dan 'pemandu teksi', tiada keterangan yang menunjukkan kehadiran atau pembabitan pihak ketiga dalam pengendalian beg tersebut sebelum didaftar masuk di lapangan terbang Paris. Justeru, kami sependapat dengan hakim bicara bahawa penafian perayu tentang pengetahuannya ke atas dadah adalah penafian semata-mata. Selain itu, memandangkan kewujudan pelapik di dalam beg P80, adalah tidak masuk akal bahawa perayu hanya mengisi pakaian atas pelapik tersebut tanpa melihat apa yang ada di bahagian bawahnya. Adalah tidak munasabah bahawa perayu tidak mengetahui tentang kewujudan dadah yang dipersoalkan dalam P80 semasa dia memuatkan pakaiannya ke dalam beg itu. (perenggan 14)

(4) Dalam halkeadaan kes, kami bersetuju dengan penemuan hakim bicara bahawa satu-satunya inferens yang boleh dibuat melalui tindakan perayu secara terang-terangan membawa dadah yang dipersoalkan dalam kuantiti yang begitu banyak dari Paris ke KLIA, yang sama sekali tidak memungkinkannya untuk kegunaan sendiri, adalah untuk tujuan diserahkan atau dibekalkan kepada mana-mana pihak ketiga, iaitu perbuatan yang termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s. 2 Akta. Selain dari penafian semata-mata mengenai pengetahuannya ke atas dadah yang dipersoalkan, tiada pembelaan lain dibangkitkan oleh perayu yang boleh menimbulkan apa-apa keraguan munasabah ke atas tujuannya membawa dadah tersebut. (perenggan 16)

(5) Ketiadaan bukti forensik seperti cap jari pada bungkusan-bungkusan plastik yang mengandungi dadah tidak menjejaskan kes pendakwaan. Tujuan menimbulkan persoalan kewujudan cap jari, dalam konteks pembuktian milikan, adalah untuk menentukan orang yang pernah mengendalikan atau mempunyai akses kepada benda tersebut. Dalam kes sekarang, tidak dipertikaikan bahawa semasa ditahan, perayu sedang membawa beg P80 yang di dalamnya terdapat 18 bungkusan dadah yang dipersoalkan. Oleh itu, tiada keraguan bahawa dia mempunyai jagaan atau kawalan ke atas beg serta bungkusan-bungkusan dadah yang terkandung di dalamnya. Setelah

A elemen jagaan atau kawalan ini terbukti, maka anggapan di bawah s. 37(d) Akta terpakai bagi menunjukkan milikan atau pengetahuan ke atasnya. (perenggan 21)

English *Translation Of Headnotes*

B The appellant was arrested and charged with trafficking in 3, 4 methylenebioxymethamphetamine ('the said drugs') under s. 39B Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') upon arriving at the Kuala Lumpur International Airport ('KLIA') on a flight from Paris, when the bag he was carrying ('P80') was found to have contained C 2144.8 grams of the said drugs. The facts showed that the appellant was arrested upon an examination being made on P80 moments after it was retrieved by the appellant from the carousel at the baggage claim area of the airport. It was also evident that the inside portion of P80 had a hard plastic cover at its centre, D and that it was from underneath that cover that the said drugs (19,080 pills in 18 packets) were recovered. In any case, the learned trial judge, upon the finding that the appellant had custody and control of the drugs in P80, invoked the presumption under s. 37(d) of the Act, and held that the element of knowledge – and E consequently of trafficking – had been proved against the appellant. The appellant, in his defence, did not deny that P80 was his, but contended that he had no knowledge of the drugs therein. The learned judge was of the view that the only inference that could be drawn, considering the amount of drugs recovered F and the fact that the appellant had not raised the defence that the same was for his own consumption, was that the drugs was meant to be supplied to a third party, or distributed to one or more persons. In the event, the appellant's explicit act of carrying the drugs was ruled by the court as being caught by the definition G "trafficking" in s. 2 of the Act – and the trial judge hence convicted the appellant and sentenced him to death. Dissatisfied, the appellant appealed and argued that the trial judge had erred in his findings, *inter alia* for reasons that: (i) the element of H 'knowledge' which needed to be inferred from the prevailing circumstances, had not been proved; (ii) contrary to the finding of the learned judge, direct trafficking had not been proved against the appellant; and (iii) the absence of forensic evidence, such as that of fingerprints, on the packets of the drugs ought to have I given rise to the conclusion that knowledge had not been proved against the appellant.

Held (dismissing appeal and affirming sentence):
Per Sulaiman Daud JCA delivering the judgment of the court:

(1) In the context of a charge under s. 39B of the Act, the element of 'knowledge' could be proved directly by way of inferences made from the surrounding circumstances, or secondly, by relying on the presumption under s. 37(d) of the Act upon proof that the accused was having custody and control of the thing containing the relevant drugs.

(2) In this case, the trial judge had opted to use the second approach aforesaid, namely by relying on the presumption in s. 37(d) to prove the appellant's knowledge of the drugs in bag P80. The trial judge did not misdirect himself, and nor did he err on fact or in law in not making any inferences on the circumstances surrounding the arrest of the appellant. In any case, considering that the trial judge had relied on s. 37(d) of the Act for proof of knowledge, the question was whether the defence had succeeded in rebutting the presumption on a balance of probabilities. The judge ruled that the appellant failed to do that and we found no flaw in his finding of fact thereof.

(3) The appellant did not deny that bag P80 was the same bag that he brought from Paris. He was the one who put his clothing in the bag while at the Apollo Hotel, and apart from the 'hotel boy' and the 'taxi driver', there was nothing to indicate the presence or involvement of any third party in the handling of the bag before it was registered for boarding at Paris airport. That being so, we are in agreement with the trial judge that the appellant's denial of any knowledge of the drugs was only a denial *per se*. In addition, bearing in mind the plastic cover in P80, it was unthinkable that the appellant could have placed his clothing thereon and not seeing the substance there under. It was unreasonable that the appellant was not aware of the existence of the drugs in P80 when putting his clothing in the bag.

(4) In the circumstances of the case, we agree with the finding of the trial judge that the only inference deducible from the appellant's manifest act of carrying the drugs in such a large quantity from Paris to KLIA, which clearly could not be on

A account of self consumption, is to deliver or supply same to a third party, which act is caught by the definition 'trafficking' in s. 2 of the Act. The mere denial of any knowledge of the drugs apart, no other defence was raised by the appellant as would raise any reasonable doubt as to his intention in
B carrying the drugs in question.

(5) The absence of forensic evidence such as finger print evidence on the plastic packets containing the said drugs did not adversely affect the prosecution's case. The purpose of raising
C the issue of finger print, in the context of proof of possession, is to determine the persons who have had handled the substance or had access thereto. In the present case, it was not disputed that the appellant, at the time of arrest, was carrying bag P80 in which the 18 disputed packets of drugs
D were found. Consequently, there was no doubt that he had custody or control over the bag and the packets of drugs contained therein. Upon this element of custody or control being proved, the presumption of s. 37(d) applies to show possession or knowledge of the drugs.

E **Kes-kes yang dirujuk:**
Johar Mustapha v. PP [2009] 6 CLJ 193 FC ***(refd)***
Koh Chai Peng v. Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 64 ***(refd)***
Ong Ah Chuan v. PP And Another Appeal [1980] 1 LNS 181 PC ***(refd)***
PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan [2006] 2 CLJ 129 FC ***(refd)***
F *PP v. Lim Hock Boon [2009] 3 CLJ 430 FC* ***(refd)***
PP v. Salleh Zakaria & Anor [2010] 4 CLJ 671 CA ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da), 39A(1)(x), 39B

G *Bagi pihak perayu - Muhammad Fairuz Ahmad Yusof; T/n Nazri, Aziz & Wong*
Bagi pihak pendakwaan - Shoba Venu Gobal TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45-72-2004]

H

[Nota Pengarang: Untuk penghakiman Mahkamah Tinggi, sila lihat PP v. Law Yew Kwan @ Low Yew Kwan [2006] 1 LNS 240.]

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

I

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam kerana kesalahan mengedar 2,144.8 gram 3,4- Methylenedioxymethamphetamine ("MDMA"), di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta"). Dia telah merayu ke mahkamah ini terhadap keputusan itu. Di akhir pendengaran, kami telah menolak rayuan itu dengan keputusan sebulat suara dan mengekalkan perintah hakim perbicaraan. Kini disampaikan alasan-alasan keputusan kami itu.

Fakta Material

[2] Pada pagi 5 November 2003, Sjn Hadzir Mohd Yusof (SP4), bersama-sama tiga orang anggota lain dari Jabatan Narkotik, menjalankan tugas pemantauan dan pemeriksaan ke atas penumpang-penumpang yang tiba dari Paris dengan penerbangan MH 021 di karusel C, Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ("KLIA"). Pada lebih kurang jam 8.30 pagi, dia melihat seorang lelaki Cina dalam keadaan yang mencurigakan mengambil sebuah beg (P80) dari karusel dan meletakkannya di atas sebuah troli. Semasa lelaki itu sedang berjalan keluar dengan menolak trolinya, SP4 telah menghampirinya sambil memperkenalkan dirinya "polis". Beg tersebut telah di x-ray dan seterusnya diletakkan di atas meja untuk pemeriksaan.

[3] SP4 telah mengarahkan lelaki itu membuka beg itu. Semasa membuka begnya, lelaki itu kelihatan gelisah dan terketar-ketar sambil mengucapkan sesuatu. Setelah dibuka, SP4 mendapati beberapa helai pakaian di bahagian atas beg itu, dan di tengah-tengahnya terdapat satu pelapik plastik keras. Dia telah menyelak pelapik tersebut dan mendapati di bawahnya banyak pil-pil berwarna kuning cerah yang disyakinya pil-pil ekstasi. SP4 seterusnya telah membawa perayu ke pejabat narkotik bersama-sama beg itu untuk pemeriksaan lanjut. Semasa menjalankan pemeriksaan terperinci ke atas beg tersebut, SP4 mendapati di bawah pelapik beg itu 18 bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi pil-pil berwarna kuning cerah berlambangkan gambar "PANDA". SP4 turut mendapati di bawah pelapik yang sama sebuah kotak berisi sepasang kasut "Adidas" (P91A dan P91B masing-masingnya).

[4] SP4 telah mengira pil-pil tersebut yang didapatinya berjumlah 19,080 biji. Setelah dikira, dia telah memasukkan semula pil-pil tersebut ke dalam bekas plastik asalnya. Dia seterusnya telah menyerahkan barang-barang kes, termasuk kesemua 18 bungkus pil-pil tersebut, kepada pegawai penyiasat Inspektor Lee Chee Yong (SP5) yang telah sampai ke pejabat itu pada jam 10 pagi setelah dimaklumkan oleh SP4 tentang tangkapan perayu.

[5] Pada 18 November 2003, SP5 telah menyerahkan kesemua 18 bungkusan yang mengandungi 19,080 pil tersebut kepada Ahli Kimia Puan Halimah (SP3) untuk dianalisis. Hasil analisis yang dijalankannya, SP3 mengesahkan bahawa pil-pil tersebut mengandungi 2144 gram MDMA, iaitu dadah berbahaya yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta.

[6] Perayu telah memberikan keterangannya secara bersumpah. Tiada saksi lain dipanggil. Keterangannya, setakat yang relevan adalah seperti berikut. Dia berasal dari Kuala Lumpur. Pada 1 November 2003 dia telah berlepas dari lapangan terbang KLIA ke Paris untuk tujuan melancong. Setelah sampai di Paris dia telah bertolak ke Rotterdam pada hari yang sama. Dia telah tinggal di Rotterdam selama empat hari dan balik ke Paris sehari sebelum berlepas balik pada 5 November 2003. Pada hari itu dia telah bangun pada kira-kira jam 7 pagi untuk mengemas dan memasukkan pakaian ke dalam begnya. Dia mengakui bahawa beg tersebut adalah beg P80 yang dirampas di KLIA. Menurutnya, selain daripada pakaiannya tiada apa-apa barang lain dalam beg itu. Dia turut mengesahkan beg P80 mempunyai pelapik yang membahagikan beg itu kepada dua bahagian, tetapi dia tidak membuat apa-apa pemeriksaan di bawah pelapik tersebut. Dia turut menafikan ada meletakkan apa-apa di bawahnya.

[7] Di lapangan terbang Paris, dia telah mendaftar-masuk beg tersebut setelah beg itu melalui proses x-ray. Dia hanya melihat begnya semula di karusel tuntutan bagasi setelah tiba di KLIA. Dia telah ditangkap semasa mengambil begnya dari karusel.Selepas di x-ray, dia telah disuruh mengangkat dan seterusnya membuka beg itu. Dia telah menafikan pil-pil yang dijumpai di bawah pelapik beg itu kepunyaannya. Dia juga tidak tahu bagaimana pil-pil tersebut boleh berada di dalam begnya.

Dapatan Hakim Perbicaraan

[8] Hakim perbicaraan berpuas hati bahawa beg P80 yang mengandungi dadah yang dipersoalkan itu berada di bawah jagaan dan kawalan perayu semasa dia ditangkap, dan dengan yang demikian beliau mendapati anggapan di bawah s. 37(d) Akta adalah terpakai, iaitu perayu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap mempunyai milikan ke atas dadah tersebut dan juga mempunyai pengetahuan tentang jenis dadah itu. Hakim perbicaraan turut menolak pembelaan perayu kerana berpendapat penegasan oleh perayu bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan tentang kewujudan 19,080 pil tersebut semata-mata tidaklah mencukupi untuk mematahkan anggapan statutori di bawah seksyen tersebut.

[9] Setelah mengambil kira jumlah dadah yang begitu banyak dijumpai dalam beg yang dibawa perayu, dan bahawa perayu tidak membangkitkan pembelaan bahawa pil-pil itu untuk kegunaannya sendiri atau dia seorang pembawa yang tidak bersalah, hakim perbicaraan berpendapat satu-satunya inferens yang boleh dibuat adalah bahawa perayu telah membawa pil-pil tersebut dari Paris dalam begnya bagi tujuan pembekalan (supplying) kepada pihak ketiga, atau bagi tujuan pengagihan (distribution) kepada seorang atau lebih. Justeru, beliau memutuskan perbuatan terang-terangan perayu itu termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s. 2 Akta.

Rayuan Di Hadapan Mahkamah Ini

[10] Di hadapan kami, peguam terpelajar perayu telah membangkitkan alasan-alasan rayuan yang berikut, iaitu:

(a) Kegagalan membuktikan elemen pengetahuan.

(b) Kegagalan membuktikan pengedaran secara terus.

(c) Berlaku kesilapan dalam penilaian keterangan pembelaan.

(d) Terdapatnya kelompongan dalam kes pendakwaan.

(e) Ketiadaan keterangan forensik.

A **Kegagalan Membuktikan Pengetahuan**

[11] Peguam terpelajar perayu menghujahkan bahawa berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan, pihak pendakwa telah gagal membuktikan bahawa perayu mempunyai jagaan atau kawalan ke
B atas beg P80 yang mengandungi dadah berbahaya tersebut bagi pemakaian anggapan di bawah s. 37(d) Akta. Beliau menegaskan tiada keterangan yang menunjukkan perayu mempunyai akses kepada beg P80 sebelum dia mengambilnya di karusel di balai ketibaan KLIA. Menurutnya keterangan SP4 bahawa perayu
C kelihatan dalam keadaan mencurigakan semasa dia mula-mula kelihatan di karusel C juga tidak jelas maksudnya kerana perayu mungkin dalam kepenatan setelah begitu lama di udara. Begitu juga kelakuan perayu yang dikatakan dalam "keadaan matanya liar memandang sesuatu yang mencurigakan" juga tidak mempunyai
D apa-apa nilai keterangan yang signifikan. Seterusnya, beliau menegaskan keadaan perayu yang kelihatan tidak begitu selesa adalah perkara biasa bagi mana-mana orang yang disapa secara tiba-tiba oleh seseorang yang memperkenalkan dirinya sebagai polis. Peguam terpelajar itu selanjutnya menghujahkan keterangan SP4
E bahawa perayu ada meminta tolong kepadanya dan mengatakan "ini pantau punya barang" adalah mencurigakan kerana ia bercanggah dengan keterangan SP2 yang turut berada bersama-sama SP4 semasa perayu ditahan. Menurutnya SP2, dalam keterangannya, tidak pernah menyatakan perayu ada meminta
F tolong semasa ditahan, malahan menurut saksi itu perayu berada dalam keadaan biasa sahaja semasa memasukkan beg tersebut ke dalam mesin x-ray. Berdasarkan apa yang diperkatakan di atas, peguam terpelajar itu membuat kesimpulan bahawa hakim perbicaraan telah tersilap apabila gagal mengambil kira fakta-fakta
G tersebut yang menurutnya boleh membangkitkan keraguan yang munasabah tentang pengetahuan perayu mengenai kewujudan dadah yang dipersoalkan dalam beg P80 tersebut.

[12] Sebagaimana yang telah diasaskan melalui keputusan-
H keputusan kehakiman, dalam konteks pertuduhan pengedaran dadah di bawah s. 39B Akta, elemen "pengetahuan" boleh dibuktikan, pertamanya, secara terus melalui inferens daripada keadaan sekeliling (lihat *PP v. Salleh Zakaria & Anor* [2010] 4 CLJ 671, *Ong Ah Chuan v. PP And Another Appeal* [1980] 1 LNS 181);
I atau keduanya, dengan bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta apabila telah terbukti bahawa seseorang tertuduh itu

mempunyai jagaan atau kawalan ke atas benda yang mengandungi dadah tersebut. (lihat *PP v. Lim Hock Boon* [2009] 3 CLJ 430). Dengan bersandarkan kepada prinsip undang-undang ini, kami tidak dapat menerima penghujahan peguam terpelajar perayu bahawa dalam kes sekarang ini 'pengetahuan' hanya boleh dibuktikan melalui inferens dari keadaan sekeliling.

[13] Dalam rayuan sekarang ini, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa hakim perbicaraan telah menggunakan pendekatan kedua tersebut di atas dengan bersandarkan kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi pembuktian pengetahuan perayu terhadap dadah dalam beg P80 tersebut. Dengan yang demikian, kami mendapati hakim perbicaraan telah tidak tersalah arah atau tersilap di sisi fakta atau undang-undang apabila tidak membuat apa-apa inferens daripada keadaan-keadaan di sekeliling penahanan perayu.

[14] Memandangkan hakim perbicaraan telah bergantung kepada s. 37(d) Akta bagi pembuktian pengetahuan, persoalannya ialah sama ada pihak pembelaan telah berjaya, atas imbangan kebarangkalian, mematahkan anggapan tersebut. Hakim perbicaraan telah memutuskan perayu telah gagal berbuat demikian atas alasan-alasan yang telah diberikannya sebagaimana yang disebutkan terdahulu. Kami tidak mendapati apa-apa kecacatan dalam dapatan fakta hakim perbicaraan mengenai isu ini. Perayu tidak menafikan beg P80 yang dirampas di KLIA adalah beg yang sama yang dibawanya dari Paris. Dialah yang telah memasukkan pakaiannya ke dalam beg itu semasa di Hotel Appolo. Selain daripada "budak hotel" dan "pemandu teksi", tiada keterangan yang menunjukkan kehadiran atau pembabitan pihak ketiga dalam pengendalian beg tersebut sebelum ia didaftar-masuk di lapangan terbang Paris. Justeru, berdasarkan keterangan yang ada, kami bersependapat dengan hakim perbicaraan bahawa penafian perayu tentang pengetahuannya ke atas dadah dalam beg P80 tersebut adalah penafian semata-mata. Perlu diimbas kembali, perayu tidak menafikan bahawa di dalam beg P80 tersebut terdapat satu pelapik yang membahagikan beg itu kepada dua bahagian. Kami mendapati tidak masuk akal sama sekali bahawa perayu hanya mengisi di bahagian atas pelapik tersebut tanpa melihat apa yang ada di bahagian bawahnya. Dengan yang demikian, tanpa apa-apa penjelasan lain, adalah tidak semunasabahnya berbarangkali (not reasonably probable) bahawa perayu tidak mengetahui tentang

kewujudan dadah yang dipersoalkan dalam beg tersebut semasa dia memuatkan pakaiannya ke dalam beg itu. Dengan yang demikian, perayu sudah semestinya gagal atas alasan rayuan ini.

Kegagalan Membuktikan Pengedaran Terus

[15] Peguam terpelajar perayu seterusnya menghujahkan bahawa hakim perbicaraan turut tersilap apabila memutuskan pihak pendakwa telah berjaya membuktikan pengedaran secara terus. Beliau menegaskan tindakan perayu membawa dadah yang dipersoalkan itu semata-mata tidaklah mencukupi bagi pembuktian elemen ini. Berkenaan dengan pengedaran, dalam kes *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129, Mahkamah Persekutuan telah mengulangi prinsip undang-undang yang mantap bahawa pihak pendakwa boleh bergantung kepada salah satu daripada anggapan di bawah s. 37(d) atau 37(da) Akta. Pihak pendakwa boleh membuktikan milikan sebenar ke atas dadah yang dimaksudkan dan seterusnya bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(da) bagi membuktikan pengedaran, atau sebaliknya bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi membuktikan milikan dan pengetahuan dan, kemudiannya membuktikan melalui keterangan terus bahawa tertuduh sebenarnya mengedar dadah berbahaya yang dimaksudkan.

[16] Dalam kes sekarang ini telah terbukti bahawa perayu, dengan disedarinya, telah membawa sejumlah besar dadah berbahaya MDMA melalui udara dari Paris ke KLIA. Persoalannya apakah tujuannya berbuat demikian. Dalam kes *Johar Mustapha v. PP* [2009] 6 CLJ 193, Mahkamah Persekutan telah mengikuti kes *Ong Ah Chuan v. PP & Another Appeal* [1980] 1 LNS 181, di mana telah diputuskan bahawa tujuan sesuatu perbuatan itu dilakukan boleh dibuktikan melalui inferens daripada tindakan yang dilakukan itu. Dalam kes sekarang ini kami bersetuju dengan penemuan hakim perbicaraan bahawa satu-satunya inferens yang boleh dibuat melalui tindakan perayu secara terangan-terangan membawa dadah yang dipersoalkan itu dalam kuantiti yang begitu banyak dari Paris ke KLIA, yang sama sekali tidak memungkinkannya untuk kegunaan sendiri, adalah untuk tujuan diserahkan atau dibekalkan kepada mana-mana pihak ketiga, iaitu perbuatan yang termasuk dalam "takrifan" pengedaran di bawah s. 2 Akta. Selain daripada penafian semata-mata mengenai pengetahuannya ke atas dadah yang dipersoalkan, tiada apa-apa pembelaan lain dibangkitkan yang boleh menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas tujuannya membawa dadah tersebut. Rayuan atas alasan ini juga semestinya gagal.

Penilaian Keterangan Pembelaan

[17] Peguam terpelajar perayu seterusnya menghujahkan bahawa hakim perbicaraan telah gagal memberikan penilaian kehakiman yang mencukupi kepada pembelaan-pembelaan yang telah diasaskan oleh perayu mengenai perjalanan beg perayu dari hotel di Paris hingga ke KLIA. Bagi maksud itu beliau telah merujuk kepada keterangan perayu mengenai peranan budak hotel yang telah mengambil dan meletakkan begnya di depan hotel semasa di Paris, dan bagaimana beg itu telah diuruskan oleh pemandu teksi yang dinaikinya ke lapangan terbang. Beliau turut menarik perhatian mahkamah kepada keterangan perayu bahawa tiada apa-apa barang yang mencurigakan dikesan semasa beg itu melalui pemeriksaan x-ray ketika ia didaftar-masuk dalam keadaan tidak berkunci ketika berlepas dari Paris.

[18] Menurut peguam terpelajar itu keterangan-keterangan perayu sedemikian jelas menunjukkan bahawa beg P80 tersebut tidak mengandungi apa-apa dadah berbahaya semasa beg itu didaftar-masuk di Paris. Walau apa pun, pada hakikatnya, pil-pil yang dimaksudkan memang dijumpai dalam beg P80 semasa pemeriksaan di KLIA. Ini diakui oleh perayu sendiri. Soalnya sama ada apa yang cuba diasaskan oleh perayu itu mencukupi untuk mematahkan anggapan mengenai pengetahuan perayu ke atas dadah yang dipersoalkan. Adalah ternyata kepada kami bahawa hakim perbicaraan telah menimbangkan kebarangkalian-kebarangkalian ini dan menjawabnya secara negatif. Pertamanya, beliau telah mengambil kira perayu telah mengemaskan beg P80 itu sendiri. Kedua, beliau mendapati tiada keterangan bahawa dia berkongsi bilik dengan orang lain atau terdapat orang lain mempunyai akses kepada beg P80 tersebut. Ketiga, beliau telah mengambil maklum bahawa tiada pertikaian mengenai kewujudan sekotak kasut di bawah pelapik di mana dadah yang dipersoalkan itu dijumpai. Berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan ini, kami bersependapat dengan hakim perbicaraan bahawa adalah sukar untuk mempercayai bahawa perayu tidak menyedari kewujudan bungkusan plastik, yang di dalamnya jelas kelihatan pil-pil yang dimaksudkan, pada bahagian yang sama dengan kotak kasut tersebut. Daripada apa yang diperkatakan tadi, kami juga mendapati tiada apa-apa merit dalam penghujahan peguam terpelajar itu mengenai isu ini.

A **Kelompongan Dalam Kes Pendakwaan, dsb.**

[19] Peguam terpelajar perayu seterusnya menghujahkan terdapat kelompongan dalam kes pendakwaan yang gagal diambil kira oleh hakim perbicaraan dalam mencapai keputusan yang dibuatnya. Bagi menegakkan kesnya dalam isu ini, peguam terpelajar telah merujuk kepada fakta-fakta yang sama seperti yang telah dibangkitkannya terdahulu, termasuk keadaan beg yang tidak berkunci yang melepasi imbasan x-ray di lapangan terbang Paris, dan fakta bahawa beg itu telah berada di ruang bagasi pesawat selama 13 jam ketika dalam penerbangan. Daripada fakta-fakta ini, peguam terpelajar itu menegaskan kegagalan memanggil kakitangan yang terlibat dalam pengurusan beg itu setelah ia didaftar-masuk sehingga dituntut oleh perayu di KLIA telah menimbulkan kelompongan dalam kes pendakwaan.

[20] Kami mendapati tiada merit dalam isu yang dibangkitkan ini. Adalah jelas kepada kami bahawa kes pendakwaan bermula apabila SP4 melihat perayu dalam keadaan yang mencurigakan semasa beliau sedang mengambil begnya di karusel tempat tuntutan bagasi KLIA. Ketika itu tidaklah diragui bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg P80 yang di dalamnya dadah yang dipersoalkan itu dijumpai. Setelah mendapati perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg yang dimaksudkan, maka hakim perbicaraan telah menggunakan anggapan di bawah s. 37(d) untuk membuktikan pengetahuannya ke atas dadah yang terkandung di dalamnya. Selepas itu beban terletak pada perayu untuk mematahkan anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian. Di akhir kes pembelaan hakim perbicaraan mendapati perayu telah gagal berbuat demikian atas alasan-alasan yang diberikannya. Oleh itu kami tidak nampak bagaimana kegagalan pihak pendakwa memanggil orang-orang yang dimaksudkan itu boleh menjejaskan kes pendakwaan. Jika diperhatikan dalam rayuan sekarang ini, pil-pil yang dijumpai dalam beg P80 berjumlah 19,080 biji dengan berat bersih 2,144.8 gram, iaitu hampir 70 kali ganda berat minimum yang ditetapkan di bawah s. 39A(1)(x) Akta bagi hukuman mati mandatori. Oleh itu adalah amat tidak berbarangkali bahawa dadah yang dipersoalkan itu telah dimasukkan oleh pihak ketiga ke dalam beg perayu sebagaimana yang cuba disarankan oleh pihak pembelaan dengan mengetengahkan isu-isu tersebut di atas.

Ketiadaan Keterangan Forensik

[21] Adalah tidak dipertikaikan bahawa tidak terdapat apa-apa keterangan forensik seperti kewujudan cap jari, dsb. pada kesemua bungkusan plastik yang mengandungi dadah yang dipersoalkan itu. Atas alasan ini, peguam terpelajar perayu menghujahkan dengan tiadanya keterangan sedemikian adalah tidak terbukti bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang kewujudan dadah yang dipersoalkan itu. Ternyata kepada kami tiada merit dalam isu yang dibangkitkan ini. Pada hemat kami tujuan untuk menimbulkan cap jari atau mendapatkan bukti-bukti forensik lain, dalam konteks pembuktian milikan ke atas sesuatu benda, adalah untuk menentukan orang yang pernah mengendalikan atau mempunyai akses kepada benda tersebut. Dalam kes sekarang ini tidak dipertikaikan bahawa semasa ditahan perayu sedang membawa beg P80 yang di dalamnya terdapat 18 bungkusan dadah yang dipersoalkan. Oleh itu tiada keraguan bahawa dia mempunyai jagaan atau kawalan ke atas beg serta bungkusan-bungkusan dadah yang terkandung di dalamnya. Setelah elemen jagaan atau kawalan ini terbukti, maka anggapan di bawah s. 37(d) Akta terpakai bagi menunjukkan milikan atau pengetahuan ke atasnya. Oleh itu pada pendapat kami ketiadaan bukti-bukti forensik yang dimaksudkan itu tidak langsung menjejaskan kes pendakwaan.

Penutup

[22] Kami mendapati sebahagian besar isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar perayu hanyalah menyentuh tentang dapatan fakta oleh hakim perbicaraan. Telah menjadi suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan lambat untuk campur tangan dalam dapatan fakta oleh mahkamah perbicaraan melainkan keputusan mahkamah itu benar-benar salah dan tidak konsisten dengan keterangan yang ada. Dalam rayuan sekarang ini, setelah menimbangkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan, kami mendapati tiada apa-apa kecacatan dalam pendekatan yang diambil oleh hakim perbicaraan untuk menggunakan anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi membuktikan pengetahuan perayu ke atas dadah yang dipersoalkan itu. Kami juga mendapati hakim perbicaraan telah dengan betul memutuskan bahawa penegasan perayu bahawa dia

A tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut serta pembelaan-pembelaan lain yang dibangkitkan seperti di atas tidaklah mencukupi untuk mematahkan anggapan di bawah seksyen tersebut. Begitu juga kami mendapati tiada apa-apa kelemahan atau kecacatan dalam penemuan hakim perbicaraan bahawa perbuatan
B terang-terangan perayu membawa dadah dalam kuantiti yang begitu banyak melalui udara dari Paris ke KLIA termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s. 2 Akta. Satu-satunya inferens yang boleh dibuat dari tindakan perayu itu adalah bahawa dia telah membawa dadah tersebut bagi tujuan pembekalan atau penghantaran kepada
C seorang atau lebih. Begitu juga kami mendapati perayu turut gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah bahawa dia telah mengedar dadah berbahaya seperti dalam pertuduhan.

[23] Atas alasan-alasan tersebut di atas, rayuan perayu terhadap
D sabitan dan hukuman ditolak; dan perintah Mahkamah Tinggi dikekalkan.

E

F

G

H

I